

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : SUARA

Rokok, vape: Kenakan cukai atau haramkan terus

KERAJAAN perlu membuat satu keputusan yang tepat sama ada untuk mewujudkan generasi penamat (GEG) menerusi Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam atau terus mengutip pendapatan negara hasil daripada rokok elektronik.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar terbuka, Putrajaya perlu tegas untuk memilih antara kesihatan rakyat atau pendapatan negara dengan mengenakan cukai kepada penjualan cecair untuk rokok elektronik atau vape pada kadar 40 sen setiap milliliter (ml).

Setakat tahun 2022, sebanyak 38 penyakit telah dilaporkan berkaitan dengan peranti kononnya alternatif kepada rokok berasaskan tembakau itu.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, daripada jumlah itu, Kementerian Kesihatan Malaysia mendapat 18 kes daripadanya mem-babitkan penyakit *E-cigarette or Vaping Product Use Associated Lung Injury (EVALI)* yang membawa kepada kerosakan termasuk kebocoran pada paru-paru.

Akibat daripada itu, pesakit boleh mengalami kecacatan kekal pernafasan serta berlakunya tinggil yang membawa kepada kematian dan kesan jangka panjang akan ditanggung kerajaan.

Kata Dr Zaliha, tanggungan kos perubahan dan kesihatan terhadap rakyat meningkat dan dianggarkan boleh mencecah RM150,000 bagi tempoh 12 hari termasuk ke wad.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan menerusi nota warta Kerajaan Persekutuan mengumumkan bahawa kerajaan memperkenalkan cukai kepada penjualan cecair untuk rokok elektronik bermula 1 April lalu.

Bagi membolehkan cukai ini dilaksanakan, kerajaan telah mengeluarkan warta menyatakan nikotin termasuk tembakau, tampalan dan gula-gula getah, cecair dan gel nikotin kini dikecualikan daripada Akta Racun 1952.

Sebelum ini, nikotin, dengan pengecualian kepada tembakau, diklasifikasikan sebagai racun Kumpulan C yang hanya boleh dijual doktor dan ahli farmasi.

Walaupun kerajaan memperoleh pendapatan dengan pelaksanaan cukai ini, namun secara dasarnya penggunaan vape adalah berbahaya dan boleh menjejaskan kesihatan rakyat.

Sehubungan itu, kerajaan perlu membuat satu keputusan jangka panjang yang tepat dan terbaik untuk kesihatan rakyat.

Jika mahu wujudkan generasi penamat, haramkan terus penggunaan vape.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DALAM NEGERI

80 peratus vape 'haram' dalam pasaran

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Dianggarkan 80 peratus produk vape (rokok elektronik) haram berada dalam pasaran tempatan yang dikhuatiri memberi kesan terhadap kesihatan penggunaannya memandangkan tiada pemeriksaan SIRIM Berhad (SIRIM) dan pengawalseliaan ke atas kandungan dalam perisanya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Urusan Nanostix Innovations Sdn. Bhd. (Nanostix), Shahabudeen Jalil berkata, kemasukan produk-produk vape haram itu perlu dipandang serius supaya tidak terus berleluasa.

Katanya, pengeluaran produk vape terbahagi kepada dua jenis

iaitu yang menepati segala piawaian ditetapkan antarabangsa dan satu lagi adalah produk diseludup masuk dari luar negara.

"Produk vape yang berbahaya atau haram ini adalah jenama-jenama yang diseludup dari luar negara. Ia didapati tidak menepati piawai ditetapkan antarabangsa. Malah, ia diharamkan di negara pengeluar sendirinya.

"Kami di Nanostix misalnya adalah antara syarikat yang terawal mendapatkan sijil perlesenan dari SIRIM supaya produk kami selamat digunakan pengguna. Malah, perisa dikeluarkan oleh kami juga dibuat secara tempatan serta boleh diakses pada bila-bila masa oleh pihak berkualiti," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, akhbar ini me-

Kos rawatan kecederaan paru-paru akibat vape RM150,000

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan menganggarkan kos rawatan penyakit kecederaan paru-paru atau Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI) mencecah RM150,000 bagi tempoh 12 hari kemasukan ke wad.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, sebanyak 18 kes EVALI dan 20 kes lain berkaitan penggunaan rokok elektronik atau vape dilaporkan kepada Kementerian itu sejak 2022.

Justeru, Zaliha berkata, kementerian bercadang meneruskan sementaan Rane Un-

laporkan, Kementerian Kesihatan (KKM) menganggarkan kos rawatan penyakit kecederaan paru-paru atau Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI)



mencecah RM150,000 bagi tempoh 12 hari kemasukan ke wad. Sementara itu, Shahabudeen berkata, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada

permintaan vape haram di dalam pasaran, iaitu antaranya harganya jauh lebih rendah berbanding vape berlesen.

"Harga vape haram menjadi lebih murah kerana mereka tidak membayar cukai. Jadi, ia tidak terikat untuk mengikut mana-mana peraturan yang ditetapkan kerajaan dalam memasarkan produk.

"Produk haram tersebut juga dijual secara berleluasa di kedai-kedai runcit tanpa kawalan sedangkan vape sepatutnya hanya di jual di kedai-kedai eksklusif khas bagi membantu perokok berhenti merokok," katanya.

Justeru, katanya, kerajaan perlu agresif dan tegas dalam membasmi penjualan vape haram yang kini dilakukan secara terbuka.

Vape kini umpama 'mesin pembunuh'

PETALING JAYA: Ketiadaan pengawasan dan peningkatan aktiviti seludup produk-produk vape (rokok elektronik) secara haram menyebabkan peranti tersebut kini sudah menjadi 'mesin pembunuh' kepada penggunaannya.

Presiden Lembaga Pelindung Dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, situasi tersebut sangat mengecewakan memandangkan vape dahulunya dicadangkan sebagai alat gantian kepada rokok.

Sehubungan itu, kata beliau, produk-produk vape tersebut perlu diharamkan penggunaannya di dalam negara ini kerana selain mengancam kesihatan pengguna, ia juga mendatangkan gangguan kepada orang awam sekeliling.

"Pengguna vape akan terdedah dengan kecederaan paru-paru dan kos untuk merawatnya mencecah RM1,200 untuk sehari. Ia lebih serius daripada pengguna yang menghisap rokok tembakau.

"Kerajaan perlu meneruskan perbincangan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) yang berkenaan dengan produk merokok. Penguatkuasaan dan pemantauan harus diperluas dengan kerjasama Kementerian Kesih-

tan (KKM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

"Malah, pemantauan dan kawalan terhadap penggunaan serta penjualan perlu dilakukan secara konsisten dan hukuman harus ditetapkan dengan lebih ketat, dilaksanakan dengan secepat mungkin," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menyokong usaha itu, aktivis Anti-Merokok dan Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), NV Subbarow berkata, kerajaan tidak lagi boleh membuang masa dan seharusnya mengharamkan vape serta merta.

"Tindakan tersebut sekiranya dilaksanakan akan menyelamatkan nyawa belia di dalam negara ini. Sekarang kita sudah ada dua juta orang awam yang menggunakan produk-produk vape.

"Jika kerajaan membebankan wang untuk rawatan pengguna vape, ia sangat tidak adil untuk orang yang tidak menggunakan peranti tersebut memandangkan wang untuk merawat adalah duit rakyat. Sebab itu kerajaan mesti haramkan penggunaannya.

"Haramkan semua sama ada berlesen ataupun tidak sebab semua produk vape mengandungi bahan kimia yang berbahaya," tegasnya.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

No need to issue daily Covid numbers: MMA chief

➤ Infection now as normal as common flu, with most cases not even reported on MySejahtera app

BY RAJVINDER SINGH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: It is almost impossible to determine the exact number of active Covid-19 cases as a large number of people have stopped reporting infections on the MySejahtera app, said Malaysian Medical Association president Dr Muruga Raj Rajathurai.

He said Covid-19 is as normal today as the common flu, as most cases are mild and people are recovering at home, adding that there is no need to issue daily updates on the number of cases.

Moreover, Covid-19 cases will go up from time to time. This is to be expected because many cases are not being reported on the MySejahtera app. But the number of severe cases needing hospitalisation continues to be monitored by the Health Ministry, so there is

no need for panic."

Muruga Raj was commenting on questions on social media on why the Health Ministry was not issuing daily Covid-19 bulletins.

"There has been more than enough awareness on steps to take to prevent contracting Covid-19. Everyone knows the drill ... wear masks in public, wash your hands regularly, use sanitisers and generally be careful of your hygiene."

Muruga Raj said what is important is to ensure those with comorbidities and in the high risk category remain protected. He advised the public to use face masks when in the presence of such people.

As of May 25, the total number of reported Covid-19 cases stood at 19,122, with 18,367 involving home quarantine, 721 requiring hospitalisation and nine that were in the intensive care unit.

Universiti Malaya professor of Epidemiology and Public Health Dr Sanjay Rampal said the weekly reporting of Covid-19 figures is good enough and the estimates are more precise and stable compared with daily reporting.

He said this is part of the long-term strategy to deal with the virus and it is better to have accurate figures, adding that like it or not, the public has to live with Covid-19.

"It is the duty of the Health Ministry, which

has a very important role to play in the fight against Covid-19, while hospitals play a critical role in treating Covid-19 patients.

"Hospital staff have a better understanding of how to deal with acute Covid-19 cases. There are also better medicines and vaccines coming for the treatment of Covid-19."

If a person falls ill, he should check if he has Covid-19 and visit a doctor if his condition gets worse.

As the majority of people have taken the Covid-19 vaccine, it has become less infectious and those who get it are less likely to spread it.

"The idea of wearing a mask when speaking to someone who has had Covid-19 and has returned to work is not necessary, even the World Health Organisation does not promote the wearing of face masks anymore.

"There is no real need for the public to wear masks as the benefits are hardly there. Community transmission is very low and wearing masks are no longer cost-effective."

He added that it is important for every individual to assess their health and be cautious if they feel unwell.

Sanjay said older people or those with comorbidities can take additional vaccine doses for enhanced Covid-19 protection, adding that self-determination is the best way to deal with infections at the moment.